

**Untuk Siaran Segera  
2 Januari 2019**

**PNB UMUM PERSARAAN KETUA PEGAWAI OPERASI KUMPULAN,  
UMUM KETUA PEGAWAI PELABURAN BAHARU**

KUALA LUMPUR - Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan persaraan Timbalan Presiden dan Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, Pengurusan Aset, Dato' Idris Kechot berkuat kuasa pada 31 Disember 2018. Dato' Idris telah berkhidmat selama lebih 34 tahun dengan Kumpulan PNB, termasuk Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang merupakan sebuah syarikat pengurusan unit amanah milik penuh PNB.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkata, "Dato' Idris adalah antara ahli Pengurusan Kanan PNB yang terawal dan banyak mencurahkan jasa. Bagi pihak Lembaga Pengarah, Pengurusan dan kakitangan PNB, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato' Idris atas sumbangan berharga beliau kepada Kumpulan PNB."

Dengan persaraan Dato' Idris, PNB turut mengumumkan pelantikan Hanizan Hood sebagai Ketua Pegawai Pelaburan, berkuat kuasa pada 1 Januari 2019. Hanizan kini bertanggungjawab menyelia dan mengawasi operasi harian semua unit di Bahagian Pengurusan Aset yang merangkumi Pengurusan Dana, Peruntukan Aset Strategik, Operasi Pasaran Ekuiti, Pendapatan Tetap, Analisa Pelaburan dan Jabatan Ekonomi.

Hanizan memulakan tugas di PNB sebagai pelatih graduan pada tahun 1996. Sepanjang 22 tahun kerjaya beliau di PNB, Hanizan telah berkhidmat dalam pelbagai bidang merangkumi Penyelidikan Ekuiti, Pasaran Kewangan, Pendapatan Tetap dan Pengurusan Portfolio. Graduan ekonomi dari Northwestern University, Amerika Syarikat ini juga memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal dan baharu sahaja menamatkan Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School.

*– Tamat –*

**Mengenai PNB**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM295 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

Gambar dan Kapsyen:



1. Dato' Idris Kechot



2. Hanizan Hood – Ketua Pegawai Pelaburan baharu PNB.